

## UMP terima sumbangan zakat Bank Islam

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima sumbangan zakat Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) sebanyak RM30,000 untuk dimanfaatkan pelajar bagi menampung perbelanjaan sepanjang pengajian mereka di universiti berkenaan.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, cabaran untuk mengurus-

kan kebajikan pelajar turut meningkat dengan populasi mahasiswa yang kini melebihi 8,000 orang di kedua-dua kampus iaitu di Gambang dan Pekan.

"Komitmen yang dizahirkan oleh BIMB amatlah dialu-alukan UMP," katanya.

Pada majlis itu, Daing menerima cek sumbangan zakat berkenaan daripada Pengurus Besar

BIMB, Datuk Wan Ismail Wan Yusoh.

Beliau berkata, kebanyakan mahasiswa UMP menerima pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) namun terdapat kes mahasiswa yang datang daripada keluarga miskin mengirim pula wang pinjaman PTPTN tersebut kepada keluarga mereka. - Bernama

KOSMO (Negara) 8/8/14 (Jumaat) m/s 19